

**NOTA MAKLUMAN HASIL SIASATAN
ADUAN KEMATIAN 17 EKOR LEMBU DI LADANG KELAPA SAWIT,
TAMAN TRONOH BARU, PERAK.
PADA
9 NOVEMBER 2025**

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkenaan aduan di atas.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Alam Sekitar Perak telah menerima aduan kejadian 17 ekor lembu mati dipercayai termakan rumput tercemar dengan bahan kimia berbahaya pada 1.39 petang, 9 November 2025. Pemilik lembu menyedari kematian lembu tersebut pada 5 November 2025.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar

3. JAS telah menjalankan siasatan di lokasi yang diadu secara bersama dengan beberapa agensi lain antaranya PDRM, Pejabat Kesihatan Daerah Kinta, Jabatan Lesen Dan Penguatkuasa Majlis Daerah Batu Gajah, Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak, Jabatan Veterinar dan Pejabat Penghulu Tronoh Baru. Turut hadir adalah pengadu bagi menunjukkan lokasi kejadian kematian lembu dan tempat pelupusan buangan.

4. Hasil pemeriksaan mendapati terdapat buangan yang disyaki buangan terjadual di atas permukaan tanah dan ada ditanam di dalam tanah.
5. Terdapat 4 lokasi yang dikesan mengandungi buangan disyaki buangan terjadual di lokasi pertama (koordinat: 4.416928, 100.994301), lokasi ke-2 (koordinat: 4.416824, 100.994678), lokasi ke-3 (koordinat: 4.413739,100.993147) dan lokasi ke-4 (koordinat: 4.413731,100.992409). Semakan dengan Pejabat Tanah Daerah Kinta memaklumkan semua lokasi ini berada di atas Tanah Kerajaan.
6. Pemeriksaan dilokasi terdapat buangan disyaki buangan terjadual yang kandungan pelbagai warna dan disyaki kod buangan kod SW204. Beberapa label (*tagging*) ditemui pada jumbo beg menunjukkan milik Inokom Corporation Sdn. Bhd dan Molnlycke Healthcare Sdn. Bhd yang beralamat di Kulim, Kedah dan Ibsiden Electronics Malaysia Sdn. Bhd. beralamat di Pulau Pinang.
7. Sebanyak 10 sampel telah diambil di empat (4) lokasi berbeza untuk mengenalpasti komposisi buangan terjadual tersebut.
8. Pemeriksaan seterusnya telah dijalankan bersama pemilik ternakan lembu dengan meninjau lokasi kejadian kematian haiwan ternakan tersebut. Hasil pemeriksaan mendapati bangkai lembu tersebut berada di dalam kawasan ladang kelapa sawit yang berkeadaan berpaya serta berhampiran aliran anak sungai.
9. Lokasi kematian lembu didapati berhampiran antara satu sama lain dan terletak tidak jauh daripada kawasan kandang babi yang berdekatan.

10. Laporan polis telah dibuat di Balai Polis Tronoh adalah untuk tindakan lanjut dan keselamatan bahan bukti yang masih terdapat di kawasan yang diadu.

11. Sampel yang diambil telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Perak untuk dianalisa.

12. Kawasan kejadian telah dikondon oleh JAS Perak.

SYOR

13. JAS akan menjalankan siasatan lanjut ke atas premis yang disyaki yang berada di Negeri Pulau Pinang dan Negeri Kedah.

14. JAS akan menyediakan kertas siasatan bagi pertuduhan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

15. Pemantauan akan dijalankan dari semasa ke semasa ke atas kawasan kejadian pelupusan buangan yang disyaki buangan terjadual ini.

PENUTUP

16. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.

JABATAN ALAM SEKITAR

11 November 2025

BERNAMA.com | BERNAMA TV | BERNAMA Radio | BERNAMA Images | BLIS | NewsLink5

 English Malay 中文 Arabic Español தமிழ்

Am BernamaBiz Jenayah & Mahkamah Politik Sukan Gaya Hidup Wilayah Dunia

 **ASEAN 2025** 58th ASEAN FOREIGN MINISTERS' MEETING & RELAXATION
8 - 11 July 2025
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE, KUALA LUMPUR
asean.bernama.com

AM > BERITA

Penternak Dakwa Lembu Mati Disyaki Termakan Bahan Kimia

09/11/2025 03:32 PM



Gambar 1: Liputan media berkaitan kejadian lembu mati disyaki termakan rumput dicemari bahan kimia di Batu Gajah.



BATU GAJAH, 9 Nov (Bernama) -- Seorang penternak di Taman Tronoh Baru, di sini kerugian kira-kira RM50,000 apabila 17 ekor lembu ternakannya mati dipercayai akibat termakan rumput yang telah tercemar dengan bahan kimia berbahaya.

R. Nithiananthan, 38, berkata insiden itu disedarinya pada 5 Nov lepas apabila mendapati sebahagian besar lembu ternakannya mati berhampiran kawasan kolam dan parit di lokasi ragutan biasa.

"Saya melepaskan lembu seperti biasa di sekitar kawasan ragutan sehari sebelum kejadian, tetapi seekor demi seekor lembu mati di dalam air. Bau di kawasan itu memang pelik, kuat seperti bahan kimia," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi kejadian.

Nithiananthan berkata dia telah membuat laporan polis pada 6 Nov dan perkara itu turut dimaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, seorang penduduk Nor Affandi Ahmad, 51, mendakwa aktiviti pembuangan sisa dipercayai bahan kimia di kawasan berkenaan dikesan berlaku sejak sebulan lepas.

"Mereka datang waktu malam, menabur bahan (dipercayai bahan kimia) dan menimbusnya dengan sampah lain. Bau memang sangat kuat dan lain daripada biasa. Sudah tiga kali saya menegur pemandu lori yang datang (untuk membuang sisa terbabit), tetapi dia hanya menjawab okeylah," katanya.

Nor Affandi berkata terdapat kira-kira lima lokasi pembuangan dalam lingkungan 200 meter dari kawasan perumahan dan ada penduduk yang mengalami kegatalan pada kulit serta rasa miang selepas melalui kawasan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pusat Khidmat dan Aduan Awam Barisan Nasional (BN) Perak Mohd Rawi Abdullah berkata pihaknya telah meninjau lokasi kejadian dan mendapati sisa dipercayai bahan kimia itu disyaki berpunca dari sebuah kilang di kawasan Siputeh.


Beliau berkata pihaknya akan merujuk perkara terbabit kepada JAS esok untuk tindakan lanjut kerana kejadian itu bukan sahaja menyebabkan kematian ternakan, tetapi juga dikhuatiri menjejaskan kesihatan penduduk setempat.

"Jika bahan itu berbahaya dan larut dalam air atau tanah, perkara ini boleh menimbulkan risiko kepada manusia. Hal ini membabitkan isu keselamatan awam.


"Jadi, kita berharap pihak berkaitan mengambil tindakan dengan kadar segera kerana pembuangan sisa kimia dilakukan di kawasan terbuka, lebih-lebih lagi berhampiran taman perumahan yang tidak sepatutnya berlaku," katanya.

-- BERNAMA

Petikan liputan dari Bernama berkaitan kejadian lembu mati disyaki makan rumput dicemari bahan kimia



Gambar 2: Peta 'Google Map' menunjukkan 4 lokasi pelupusan haram Buangan Terjadual.



Gambar 3: Kedudukan lokasi bangkai lembu (Tag merah) dan lokasi pelupusan buangan terjadual (Tag hijau).



Gambar 4: Keadaan tapak pelupusan haram Buangan Terjadual di lokasi 1.



Gambar 5: Keadaan tapak pelupusan haram buangan terjadual dan pengambilan sampel



Gambar 6: Keadaan tapak pelupusan haram Buangan Terjadual di lokasi 2.




Gambar 7: Keadaan tapak pelupusan haram Buangan Terjadual dan pengambilan 6 sampel di lokasi 2.



Gambar 8: Keadaan tapak pelupusan haram Buangan Terjadual dan tiada sampel diambil kerana tebing curam dan berbahaya di lokasi 3.



Gambar 9: Keadaan tapak pelupusan haram Buangan Terjadual dan pengambilan 3 sampel di lokasi 4.



Gambar 10: Maklumat premis yang tertera di jumbo bag berisi buangan terjadual



Gambar 11: Maklumat premis yang tertera di jumbo bag berisi buangan terjadual



Gambar 12: Sampel yang diambil dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Perak.



Gambar 13: Sampel yang diambil dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Perak.



Gambar 14: Lokasi kejadian telah dikondon.



Gambar 15: Lokasi kejadian telah dikondon.